

15 APR 2001

Samy-Rumah

SAMY MINTA KERAJAAN TETAPKAN HARGA RUMAH KOS RENDAH RM25,000

SHAH ALAM, 15 April (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu hari ini meminta kerajaan mengkaji semula harga rumah kos rendah yang ditawarkan kepada penduduk setinggan dan bekas pekerja ladang ditetapkan pada RM25,000 sebuah.

Katanya, ini kerana kedua-dua golongan itu didapati masih tidak mampu membayar harga rumah kos rendah pada RM35,000 hingga RM42,000 seunit yang ditetapkan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Samy berkata beliau akan membawa perkara ini untuk dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa jemaah menteri yang ditubuhkan baru-baru ini bagi mengkaji masalah setinggan.

Jawatankuasa jemaah menteri ini dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan konvensyen MIC Selangor di sini, beliau yakin jawatankuasa jemaah menteri ini akan mengambil perhatian serius mengenai perkara ini.

"Tambahan pula, Datuk Seri Dr Mahathir saya lihat begitu perihatin dan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah setinggan secara keseluruhannya," katanya.

Menurut Samy, masalah perumahan setinggan dan bekas pekerja ladang mesti diambil-kira sebagai satu isu atau masalah sosial negara.

Samy, yang juga Menteri Kerja Raya berkata masalah perumahan golongan setinggan yang terutamanya terdiri daripada kaum minoriti India, adalah serius berdasarkan bilangan setinggan di nagera ini yang berjumlah 117,000 orang.

"Di Selangor setinggan berjumlah lebih 35,000, dan di kawasan Petaling Jaya sahaja ia berjumlah 17,000 orang. PJ adalah seperti ibukota setinggan," katanya.

Beliau juga ada menerima bantahan daripada bekas pekerja Keretapi Tanah Melayu dan bekas pekerja estet di Selangor mengenai pemaju perumahan yang tidak menunaikan janji mereka menjual rumah kos rendah pada RM25,000 sebaliknya meletakkan harga rumah pada RM35,000 sebuah.

"Pekerja-pekerja estet ini yang hilang pekerjaan sekian lama sudah tentu tidak mampu membayar harga rumah RM35,000 sebuah," katanya.

Katanya bagi bekas pekerja KTM pula mereka tinggal di rumah-rumah panjang sementara yang tidak selesa keadaannya.

-- BERNAMA

RIZ ZB